

Headline **Kekurangan penderma punca pesakit beli organ di luar negara**
Date **19 Jul 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **16**
Article Size **199 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **5,636**
PRValue **16,908**



Kekurangan penderma punca pesakit beli organ di luar negara

BAGI menyelamatkan nyawa orang yang tersayang, kita sanggup berkorban apa saja. Jika wang ringgit menjadi penghalangnya, kita sanggup bergolok-bergadai atau menagih bantuan, asalkan nyawa dapat diselamatkan. Barangkali itulah dilema dihadapi ahli keluarga dan saudara mara kepada kira-kira 1,000 rakyat kita yang terpaksa membeli dan melakukan pembedahan organ menerusi sindiket di China dan India. Walaupun antara mereka, ada yang tahu tindakan itu bakal berdepan risiko jangkitan seperti hepatitis B, radang hati dan HIV, tetapi itulah pilihan terbaik demi menyelamatkan nyawa pesakit. Ketua Jabatan Nefrologi Hospital Kuala Lumpur (HKL), Datuk Dr Ghazali Ahmad, yang mendedahkan perkara itu kepada akhbar ini kelmarin, selain berdepan pelbagai jangkitan, penghidap juga mungkin mengalami komplikasi organ baru tidak berfungsi sehingga membawa maut. Namun apa pilihan yang mereka ada? Apakah dengan tidak mengambil langkah membuat pembedahan serta mengganti dengan organ baru yang dibeli dari China dan India, nyawa pesakit dapat diselamatkan? Kita bersimpati dengan pesakit serta saudara mara mereka kerana tindakan itu terpaksa dibuat disebabkan sukar memperoleh organ baru di negara sendiri, serta terpaksa menunggu lama giliran menjalani pembedahan. Pesakit dan keluarga sanggup mengeluarkan sejumlah wang yang besar bagi menyelamatkan nyawa. Akibat memilih jalan itu, ada pesakit tertipu oleh sindiket yang kononnya menyediakan organ bersesuaian, sebaliknya membawa akibat lebih buruk. Kita memahami keadaan pesakit dan keluarga mereka yang tertekan kerana kesuntukan masa bagi mendapatkan penderma organ bersesuaian. Sepanjang tahun lalu, kira-kira 6,000 pesakit buah pinggang dalam senarai menunggu mendapatkan ginjal baru daripada seramai 21,169 pesakit yang bergantung pada mesin dialisis.

Dengan jumlah penduduk China dan India melebihi satu bilion, tidak hairanlah negara itu menjadi destinasi utama permintaan organ, termasuk dari negara maju, sama ada bagi tujuan perubatan atau penyelidikan. Atas desakan hidup dan kemiskinan penduduk di negara terbabit sanggup menjual organ manusia sebagai punca pendapatan. Sindiket terbabit pula mengambil kesempatan menjualnya pada harga tinggi, misalnya satu ginjal antara RM70,000 hingga RM250,000 kerana permintaannya begitu tinggi. Berdasarkan keadaan itu, agak mencurigakan sejauh mana pesakit dapat memastikan ginjal dan jantung 'dijual' bersesuaian dan tidak tercemar serta tidak membawa kesan sampingan lebih teruk kepada pesakit. Meskipun jumlah pengikrar untuk menderma organ sejak 1997 hingga Mei 2009, seramai 128,556 orang seperti direkodkan Pusat Sumber Transplan Nasional HKL, jumlah penderma sebenar cuma 14 orang setakat Mei 2009. Pelbagai kempen pendermaan organ diadakan dari semasa ke semasa. Malah penjawat awam yang berjanji menderma organ diberi kemudahan cuti tanpa rekod sehingga 42 hari bagi menjalani ujian dan pembedahan. Namun, kenapa jumlah penderma masih terlalu kecil, walaupun pelbagai usaha dan kempen dilakukan. Bagi umat Islam, perkara itu tidak sepatutnya timbul kerana ulama dan fuqaha sudah lama membincang dan meneliti isu berkenaan berdasarkan nas ditentukan syarak. Majlis Fatwa Kebangsaan yang bersidang pada Jun 1970 memutuskan pemindahan mata dan jantung orang meninggal dunia kepada yang hidup, dibenarkan dengan syarat tertentu. Apapun, pihak berkuasa di negara ini perlu melakukan sesuatu, terutama mengetatkan peraturan dan undang-undang agar tiada lagi pesakit teraniaya kerana ada pihak yang mahu mengaut keuntungan atas penderitaan mereka.